

VARSITI

BERITA

www.bh.com.my

jejak graduan



Dr Mohd Sukor (kanan) ketika mengikuti program pengajian di EPFL.



Dr Mohd Sukor berdiri di hadapan SwissTech Convention Center EPFL.

profil

Dr Mohd Sukor Su'ait

→ Tempat lahir: Pulau Pinang
 → Tarikh lahir: 20 Mac 1985
 → Jawatan: Felo Penyelidik di SERI, UKM
Pencapaian:
 → Pingat perak pada Persidangan Sainis Muda Antarabangsa (iFSC) 2016, Pameran Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2016, dan Ekspo Reka Cipta, Inovasi dan Reka Bentuk (IINDEX) 2015
 → Pingat gangsa dalam Kategori Pencipta Muda pada Ekspo Teknologi Malaysia 2016
 → Menerima Hadiah Buku MTDC pada Majlis Konvokesyen UKM 2014
 → Aktif menyertai beberapa komuniti saintifik antarabangsa, antaranya Persatuan Elektrokimia Antarabangsa (ISE) sejak 2012 dan Persatuan Kimia Amerika (ACS), selain menjadi ahli Persatuan Polimer Malaysia
 → Setakat ini, menerbitkan hampir 15 artikel saintifik antarabangsa dalam jurnal dirujuk dengan h-index
 → Terpilih sebagai Sainis Muda untuk mewakili ASEAN pada Mesyuarat Pemenang Hadiah Nobel Ke-59 di Lindau, Jerman pada 2009

Raih pengalaman penyelidikan di luar negara

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Bangi

Siapa sangka, kecekalan menghadapi kekangan dana melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah (PhD) menjadi titik tolak kejayaan Felo Penyelidik di Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohd Sukor Su'ait menimba beberapa pendedahan kajian pada peringkat antarabangsa.

Anak jati Pulau Pinang itu menyambung pengajian pascasiswazah berkenaan dengan menjalankan penyelidikan mengenai penghasilan bahan elektrokimia untuk peranti penyimpanan dan penukar tenaga - elektrolit polimer serta bahan elektrod bagi aplikasi bateri dan sel suria yang menggunakan kelapa sawit sebagai bahan utama.

Kegigihan beliau membuahkan pencapaian cemerlang, malah terpilih sebagai seorang daripada penerima Anugerah Geran Merdeka 2015, sekali gus membolehkannya mengikuti program pengajian selama tiga bulan di Institute of Chemical Sciences and Engineering, Faculty of Basic Sciences, Ecole Polytechnique Fédérale de Lausanne (EPFL),

Sion, Switzerland.

"Saya menggunakan sebaik mungkin peluang belajar di EPFL untuk membuat penyelidikan mengenai Advancement in Polymer Electrolyte for Dye-Sensitized Solar Cell (DSSC) Application, dan mengembangkan pengetahuan dalam mereka bentuk serta menerokai bahan berasaskan sawit bagi aplikasi sel solar yang baru berkembang.

Saing saintis dunia

"Selain itu, saya berpengalaman terpilih mengikuti program latihan praktikal di Département des Sciences Chimiques, Faculté des Sciences et Techniques, Cadi Ayyad University of Marrakesh, Maghribi.

"Saya juga pernah menerima biasiswa penyelidik jangka pendek di School in Materials Science and Engineering, Georgia Institute of Technology, Amerika Syarikat, di samping mengikuti Program Mobiliti Rantau Asia, Erasmus Mundus anjuran Suruhanjaya Eropah di University of Trento, Itali selama setahun," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Dilahirkan pada 20 Mac 1985, Dr Mohd Sukor mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Bakau dan Penang Free School, Pulau Pinang.

Beliau kemudian menerima tawaran memasuki



Dr Mohd Sukor menunjukkan pingat yang pernah dimenangi dalam bidang penyelidikan.

program Asasi Sains di Kolej MARA Kulim, Kedah, sebelum menamatkan pengajian ijazah pertama, sarjana dan PhD dalam bidang kimia dari UKM.

Berkongsi lanjut pengalaman menjalankan penyelidikan di luar negara, Dr Mohd Sukor mengaku bukan mudah bersaing dengan saintis terkemuka dunia.

Cabaran kekangan bahasa

Lebih-lebih lagi pada masa sama, beliau perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran saintifik, mengejar masa menghadiri sesi perbincangan dan memastikan diri sentiasa menunjukkan prestasi terbaik sepanjang pengajian.

"Pernah satu ketika, beberapa kumpulan pelajar termasuklah saya, tidak dapat menjalankan kerja penyelidikan di makmal kerana kemudahan itu terpaksa ditutup ekoran berlakunya suatu insiden.

"Makmal ditutup selama tiga minggu dan diletakkan bawah pemantauan selama enam bulan oleh Jabatan Keselamatan EPFL. Berikutan itu, kami dikehendaki menghadiri satu lagi sesi latihan keselamatan.

"Kami juga perlu membersihkan semula ruang kerja itu dengan meletakkan label tahap petunjuk bahaya yang pelbagai bagi setiap sampel yang digunakan," katanya.

Kekangan bahasa turut memberi cabaran

tersendiri kepada Dr Mohd Sukor kerana penduduk di Switzerland berkomunikasi dalam empat bahasa berbeza, iaitu Perancis, Jerman, Itali dan Romansh (bahasa Latin lama).

"Lokasi EPFL yang berhampiran sempadan Perancis, Jerman dan Itali menjadi faktor mereka berkomunikasi dalam empat bahasa utama itu.

"Disebabkan pernah belajar di Itali, saya boleh memahami serba sedikit komunikasi dalam bahasa itu. Oleh itu, apabila mereka berkomunikasi menggunakan bahasa Perancis atau Jerman, saya akan meminta mereka bercakap dalam bahasa Itali," katanya.